

09/03/1997

Afrika Selatan mahu pelajari pengurusan negara

KUALA LUMPUR: Presiden Afrika Selatan, Nelson Mandela, berkata Malaysia memiliki kaedah pengurusan yang tersendiri sehingga menjadikan negara ini sebagai kawasan pertumbuhan ekonomi paling pantas di dunia.

Sehubungan itu, katanya, Afrika Selatan mesti mempelajari cara pengurusan Malaysia dengan menjalin hubungan lebih erat di antara kedua-dua negara.

"Bagi saya, Malaysia adalah kawasan pertumbuhan paling pantas dan dinamik di dunia sekarang. Kami mesti mempelajari cara Malaysia mencapai tahap ini," katanya dalam sidang akhbar pada hari ketiga lawatannya ke negara ini.

Beliau turut tertarik dengan kejayaan negara ini mengurangkan tekanan dalam pembahagian kekayaan negara dengan adil dan saksama, walaupun mempunyai penduduk berbilang kaum.

"Keadaan Afrika dan Malaysia hampir sama kerana kami turut mempunyai penduduk berbilang kaum. Misalnya, kebanyakan kaum Cina sudah lama terbabit dalam perniagaan.

"Kami juga berhadapan dengan masalah ini kerana kaum kulit putih meliputi 40 peratus komuniti Afrika Selatan menyebabkan timbul suasana kaum minoriti mempunyai penguasaan terhadap sektor tertentu.

"Bagaimanapun, dalam masa tiga tahun lalu, kerajaan berupaya mengurangkan tekanan ini," katanya.

Mengenai hubungan negara itu dalam Asean, beliau berkata kerajaannya mengadakan beberapa dialog dengan pemimpin tertinggi negara anggota Asean, termasuk Malaysia dan Singapura.

"Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad turut melawat negara kami dan perbincangan kami menyentuh pelbagai isu, termasuk Asean," katanya.

Beliau menyifatkan lawatannya ke empat negara Asean - Filipina, Brunei, Singapura dan Malaysia sebagai sangat berjaya.

"Kami menganggap rantau ini sangat penting kerana ia kawasan paling pesat membangun di dunia," katanya.

Ditanya sama ada Afrika Selatan mahu mencontohi sistem kuota yang diwujudkan dalam pembahagian kontrak kerajaan, terbitan saham awam dan kemasukan penuntut ke universiti, beliau berkata dasar negara itu cukup jelas dengan memberi kuasa sepenuhnya kepada kerajaan.

"Jika kami dapati kakitangan institusi kerajaan lemah, kami tidak teragak-agak mengambil tindakan. Jika mereka berfungsi dengan baik, mereka akan menikmati banyak kemudahan dan peluang mereka tetap tidak dinafikan," katanya.

(END)